



KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SAMBUTAN HARI KESIHATAN PERSEKITARAN SEDUNIA
PERINGKAT KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA 2025

Port Dickson, 18 Oktober 2025

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menganjurkan Majlis Sambutan Hari Kesihatan Persekitaran Sedunia Peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia di Port Dickson, Negeri Sembilan. Program satu hari ini berjaya menghimpunkan hampir 500 peserta yang terdiri daripada petugas kesihatan, rakan strategik dan komuniti.

Tema sambutan pada tahun ini iaitu “Udara Bersih, Rakyat Sihat” sangat bertepatan dengan inisiatif kesihatan paru-paru yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Udara yang bersih dari asap rokok, pembakaran terbuka, asap kenderaan, dan juga industri sangat berkait rapat dengan kesihatan paru-paru secara khususnya dan kesihatan rakyat secara umumnya.

Berdasarkan kepada laporan bertajuk *Sustainable Development Goal indicator 3.9.1: mortality attributed to air pollution* yang dikeluarkan pada tahun 2024, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan pada tahun 2019, sebanyak 6.7 juta kematian pramatang diseluruh dunia dikaitkan dengan pencemaran udara. Dimana daripada jumlah tersebut,

pencemaran udara ambien dianggarkan telah menyebabkan 4.2 juta kematian pramatang. 89% daripada 4.2 juta kematian pramatang berlaku di negara berpendapatan rendah dan sederhana di mana beban tertinggi direkodkan di Rantau Asia Tenggara dan Rantau Pasifik Barat. WHO menganggarkan di Malaysia pada tahun yang sama terdapat sebanyak 16,792 kematian dikaitkan dengan pencemaran udara.

Fakta ini jelas menunjukkan usaha yang secara menyeluruh dan bersepadu perlu dilakukan oleh semua pihak. Dalam hal ini, Kementerian Kesihatan akan memperkasakan beberapa inisiatif selaras dengan komitmen di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Antara inisiatif utama yang diberi tumpuan ialah:

1. Pelaksanaan Perkhidmatan Kesihatan Lestari Alam Sekitar (Environmentally Sustainable Healthcare), selaras dengan peranan Malaysia di peringkat global melalui *Alliance for Transformative Action on Climate and Health (ATACH)*; Sehingga 2025, sebanyak 147 hospital dan institusi KKM di bawah Perjanjian Perkhidmatan Sokongan Hospital telah berjaya memperolehi pensijilan hijau. Manakala, program fasiliti kesihatan rendah karbon telah dimulakan di 30 buah klinik kesihatan dan akan diperluaskan lagi pada tahun 2026.
2. Pengukuhan Pendekatan Penempatan Sejahtera (Healthy Settings Approach) dalam pelbagai konteks komuniti bagi memupuk persekitaran hidup yang sihat dan lestari;
3. Memperkukuh peranan Kementerian Kesihatan dalam penilaian Impak Kesihatan bagi Cadangan Projek Pembangunan yang tertakluk kepada Penilaian Impak Alam Sekitar (Environmental Impact Assessment);

4. Pembangunan Pelan Adaptasi Kebangsaan terhadap Perubahan Iklim (*National Adaptation Plan*) di mana kesihatan awam adalah salah satu komponen utama.
5. Memperkukuhkan advokasi dan pengurusan risiko kesihatan akibat kemerosotan kualiti udara.
6. Kementerian Kesihatan juga akan meningkatkan kerjasama strategik dengan agensi-agensi selaras dengan aspirasi Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) bagi memastikan pendekatan yang lebih bersepadu dan berkesan.

Sehubungan itu, KKM menyeru semua pihak untuk berganding bahu dalam memastikan kualiti udara dan persekitaran yang bersih, selamat dan sihat.

Sekian dan terima kasih.

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA